

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pendapatan isi rumah rakyat Malaysia yang terkini dan peratusan rakyat atau jumlah hakiki rakyat yang mendapat pendapatan seperti ini.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Maklumat Pendapatan bagi Isi rumah di Malaysia diperolehi daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Penyiasatan terakhir ialah pada tahun 2012 manakala penyiasatan terkini dilaksanakan pada tahun ini, yang meliputi 83,456 isi rumah. Operasi pengumpulan data di lapangan telah bermula pada bulan Januari 2014 yang lalu dan hanya akan tamat pada Disember 2014.

Walau bagaimanapun, data Awalan penyiasatan ini yang dianalisis daripada 42,000 isi rumah yang dikumpulkan sehingga Jun 2014 dapat memberikan anggaran yang *reliable* (dengan izin) pada aras keyakinan sehingga 95 peratus. Berikut adalah antara penemuan daripada dapatan awalan tersebut:-

- a. Statistik penengah pendapatan kasar isi rumah bulanan Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 8 peratus kepada RM4,258 pada tahun 2014 berbanding RM3,626 pada tahun 2012. Ini memberikan gambaran bahawa 50 peratus daripada jumlah isi rumah di Malaysia berpendapatan kurang daripada RM4,258. Manakala, 50 peratus lagi berpendapatan isi rumah melebihi nilai tersebut. Sementara itu, purata pendapatan kasar isi rumah bulanan tumbuh pada kadar 8.4 peratus setahun kepada RM5,919 daripada RM5,000 dalam tempoh yang sama.

- b. Pendapatan purata isi rumah 40% terendah (B40) telah meningkat dari RM1,847 sebulan pada tahun 2012 kepada RM2,312 sebulan pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 11.9% setahun. Ini bermakna usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan peluang pekerjaan, memperkenalkan gaji minimum mulai Januari 2013 dan penambahan bantuan pendapatan seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan lain-lain inisiatif telah mula mendatangkan manfaat.
- c. Pertumbuhan pendapatan ini, dinikmati oleh isi rumah di bandar dan luar bandar di setiap negeri. Pengagihan pendapatan dalam kalangan isi rumah telah bertambah baik seperti yang digambarkan oleh Pekali Gini daripada 0.431 pada tahun 2012 kepada 0.421 pada tahun 2014.
- d. Pekali Gini bagi bandar juga telah menurun daripada 0.417 kepada 0.410 dan di luar bandar daripada 0.382 kepada 0.370 dari tahun 2012 ke 2014. Maklumat ini menunjukkan jurang pendapatan di kalangan isi rumah semakin menguncup.

Analisis lengkap dan lebih terperinci mengenai penyiasatan ini boleh diperolehi apabila laporan muktamad dikeluarkan pada bulan Julai 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada laporan ini nanti untuk mendapatkan analisis yang lebih menyeluruh.

Terima kasih.